



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEMBUKAAN SEMULA MASJID-MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA

Berakas, Hari Isnin, 11 Rabiulawal 1443H bersamaan 18 Oktober 2021M –

1. Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita ingin memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan keputusan Majlis Ugama Islam Brunei yang telah bersidang pada Hari Khamis, 07hb Rabi'ulawal 1443 Hijrah bersamaan 14hb Oktober 2021 Masehi mengenai langkah pembukaan semula masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.
2. Majlis Ugama Islam Brunei dalam menimbangkan langkah-langkah bagi pembukaan semula masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat, adalah dengan mengambil kira keterangan dan nasihat Kementerian Kesihatan dan juga bersandarkan hukum syarak berdasarkan sebuah hadis Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam, Baginda bersabda:

مَنْ سَمِعَ الْمُنَادِيَ فَلَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ اِتَّبَاعِهِ عُذْرٌ فَلَمْ تُقْبَلْ مِنْهُ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّى. قَالُوا وَمَا
الْعُذْرُ قَالَ خَوْفٌ أَوْ مَرَضٌ. (رواه أبو داود وابن حبان في صحيحه وابن ماجه).

Ertinya: “Barangsiapa mendengar azan lalu tidak pergi menuaikan sembahyang berjemaah tanpa sesuatu ‘uzur yang menghalanginya, maka sembahyangnya tidak diterima. Bertanya para sahabat: Apa ‘uzur itu?’ Menjawab Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam: “Takut atau sakit.” (Hadits riwayat Abu Daud, Ibnu Hibban dan Ibnu Majah).

Hadis di atas mengaitkan tentang kepentingan menuaikan sembahyang secara berjemaah yang mana sembahyang berjemaah di masjid itu adalah sangat-sangat dituntut.

Adapun alasan menutup masjid sebelum ini adalah atas sebab-sebab takut kepada jangkitan wabak COVID-19. Namun keadaan itu kini bolehlah dianggap sudah berbeza berbanding sewaktu gelombang pertama yang mana ketakutan yang ada





telahpun hilang ataupun semakin menipis setelah adanya vaksin yang terbukti dapat mengurangkan risiko jangkitan.

Oleh yang demikian, maka hukum sebelum ini yang mengharuskan penutupan masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat kini sudahpun berubah kepada keperluan untuk membuka semula masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat.

3. Maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan kepada orang ramai khasnya umat Islam di negara ini bahawa berdasarkan kepada keterangan dan nasihat Kementerian Kesihatan serta bersandarkan kepada hukum syaria', Majlis Ugama Islam Brunei bersetuju mengambil ketetapan-ketetapan sebagaimana berikut:
 - i. Masjid-masjid, surau-surau, dan balai ibadat seluruh negara bolehlah dipertimbangkan untuk dibuka semula apabila jumlah vaksinasi lengkap rakyat dan penduduk di negara ini mencapai 70%. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada penilaian Jawatankuasa Pandu COVID-19 yang mana Kementerian Kesihatan adalah Pengurus Bersama kepada Jawatankuasa berkenaan.
 - ii. Pembukaan masjid-masjid tersebut adalah sekaligus untuk mendirikan sembahyang fardhu lima waktu dan sembahyang fardhu Jumaat sahaja. Adapun aktiviti-aktiviti keugamaan yang lainnya yang lazim dijalankan di masjid-masjid hendaklah ditangguhkan terlebih dahulu sehingga ke satu keadaan yang dirasakan lebih selamat.
 - iii. Sewaktu masjid-masjid dibuka nanti, anggota-anggota keselamatan beruniform akan membantu dan bekerjasama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam mengawal para jemaah seperti kemasukan mereka ke dalam masjid dengan memastikan para jemaah benar-benar mematuhi SOP yang ditetapkan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Rujukan: KHEU/BPA/PR305/Okttober2021

Tarikh: 11 Rabiulawal 1443H bersamaan 18 Oktober 2021M